

16/04/2002

Generasi muda wajar diberi peluang berbakti

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

BAGI Ahmad Shamsuddin Ramli, 35, apa juga pelaburan, kutipan dan kewangan yang berkaitan dengan mana-mana institusi perlu diuruskan secara berhemah, amanah dan telus. Jika perlu, badan berkenaan diletakkan di bawah pengawasan dan pengauditan pihak tertentu, misalnya Bank Negara Malaysia.

Hanya operasi pengurusan yang cekap dan beramanah saja mampu mengembalikan kepercayaan orang ramai terhadap badan berkenaan. Ikuti wawancara Penulis Khas Berita Harian (BH), AZHAR ABU SAMAH dan KHAIRUL ANWAR RAHMAT dengan beliau yang menyentuh pelbagai isu semasa, termasuk pergolakan Umno Kelantan dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

BH: Apa pandangan saudara mengenai laporan akhbar yang mendedahkan pengurusan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menyalurkan dana berpuluh juta ringgit daripada akaun dana Sahabat badan itu untuk kegunaan pentadbirannya?

AHMAD SHAMSUDDIN: AIM ialah badan bukan kerajaan yang sepatutnya menjadi pemangkin untuk membantu membangunkan ekonomi penduduk luar bandar yang terpinggir daripada arus pembangunan. Oleh itu, tidak wajar sekiranya ada pihak dalam badan itu yang menyalurkan dana secara tidak sah, apatah lagi jika ia melanggar syarat penggunaan dana AIM yang sepatutnya dikhususkan untuk membantu golongan miskin. Jika benar seperti yang dilaporkan akhbar, saya berharap kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang terbabit dengan penyelewengan itu. Tindakan mencampuradukkan wang daripada dana berkenaan ke akaun pentadbiran tidak sepatutnya berlaku kerana AIM mempunyai peruntukan berasingan untuk membiayai kerja pentadbiran.

BH: Isu seperti ini turut membabitkan kerajaan dan sedikit sebanyak menjejaskan imej Umno dan kerajaan Barisan Nasional (BN). Bagaimana kerajaan perlu menangani perkara ini untuk memulihkan keyakinan rakyat?

AHMAD SHAMSUDDIN: Seperti yang ditegaskan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, rakyat mahu tindakan setimpal dikenakan terhadap mana-mana pihak yang terbukti melakukan penyelewengan. Pergerakan Pemuda memandang serius sebarang bentuk penyelewengan, terutama jika ia berlaku dalam syarikat atau badan yang diamanahkan untuk menjaga kepentingan orang ramai. Sewajarnya, apa juga pelaburan, kutipan dan kewangan orang Islam yang berkaitan dengan mana-mana institusi diuruskan secara amanah dan telus. Jika perlu, ia boleh diletakkan di bawah pengawasan dan pengauditan Bank Negara Malaysia. Cara sebegini lebih telus dan dapat menjamin kepercayaan orang ramai. Bagaimanapun, kita memuji sikap Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang sudah memulakan siasatan terhadap AIM selepas menerima laporan.

BH: Bagi meredakan pergolakan Umno di Kelantan, Pengerusi Perhubungan Umno Negeri, Datuk Mustapa Mohamed meletak jawatan sebagai Ketua Penerangan Umno Pusat. Bagaimana saudara menilai tindakan beliau?

AHMAD SHAMSUDDIN: Tindakan beliau itu membuktikan kesungguhan dan pengorbanan Mustapa untuk terus menerajui Umno Kelantan. Justeru, semua pihak perlu menerima keputusan beliau itu dengan hati terbuka. Selepas ini, tidak perlu lagi wujud rungutan pihak tertentu yang mempersoalkan kesibukan tugas beliau di Kuala Lumpur. Saya percaya, beliau akan lebih banyak menghabiskan masa di Kelantan dan mengadakan pertemuan dengan seluruh jentera parti dalam usaha mengembalikan negeri itu kepada Umno dan Barisan Nasional (BN). Saya juga yakin lebih banyak aktiviti sedang diatur bagi mengukuh dan memantapkan Umno Kelantan sebagai persediaan menghadapi Pas dalam pilihan raya umum akan datang. Semua pihak tahu bahawa Mustapa

ialah seorang pemimpin yang ikhlas, jujur, kuat bekerja dan mempunyai imej yang bersih. Kita perlu memberikan peluang dan sokongan tidak berbelah bagi untuk beliau membuktikan keupayaannya.

BH: Bagaimana dengan sikap segelintir pemimpin bahagian Umno yang berusaha menyekat keahlian generasi muda?

AHMAD SHAMSUDDIN: Isu ini sering timbul sejak kebelakangan ini. Jika keadaan ini tidak dibendung, saya bimbang Umno akan ketandusan ahli pada masa depan kerana generasi muda tidak diberi ruang untuk berbakti. Bagaimanapun, saya yakin hanya mereka yang takut dengan bayang-bayang sendiri saja yang tidak mahu melihat kehadiran orang muda dalam bahagian yang dipimpin. Generasi ini bimbang sekiranya tumpuan orang ramai akan beralih kepada pemimpin pelapis yang memiliki idea segar untuk memantapkan parti. Sepatutnya pemimpin memberi ruang dan peluang kepada generasi muda menyumbang kepada parti. Tidak semestinya kehadiran orang muda bertujuan menggugat kedudukan pemimpin sedia ada. Sebaliknya, ia adalah satu kombinasi yang baik untuk mengukuhkan perjuangan memartabatkan agama, bangsa dan negara.

BH: Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyarankan pemimpin sedia ada memberi laluan kepada pemimpin pelapis jika keadaan memerlukan bagi memastikan Umno kekal relevan pada masa depan?

AHMAD SHAMSUDDIN: Saya mengalu-alukan saranan Presiden parti supaya pemimpin yang tidak dapat berfungsi dengan baik berundur dan memberi peluang kepada pemimpin pelapis. Biarlah proses peralihan kuasa dalam Umno dilakukan secara berhemah dan menepati tata susila orang Melayu. Dalam pada itu, generasi muda juga perlu menghargai peluang yang diberikan. Kita tidak sepatutnya terburu-buru dan tamak dalam usaha mengejar jawatan. Lakukan apa yang terbaik untuk parti, Insya-Allah orang akan dapat menilai kebolehan dan kemampuan kita. Jika sesuai dan tiba masanya, orang muda pasti menggantikan pemimpin sedia ada untuk meneruskan perjuangan ini.

BH: Krisis yang melanda MCA kini semakin memuncak sehingga memaksa Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan. Apa komen saudara?

AHMAD SHAMSUDDIN: Saya percaya, majoriti rakyat berbangsa Cina di Malaysia tidak mahu parti terbesar yang mewakili mereka terus dilanda krisis. Jika kedua-dua puak dalam MCA gagal menyelesaikan pertelingkahan ini secepat mungkin, dikhuatiri masalah ini akan berterusan walaupun satu pihak mencapai kemenangan pada pemilihan parti itu Jun ini. Justeru, cara penyelesaian terbaik ialah melalui rundingan, sama ada di dalam parti atau campur tangan pemimpin Barisan Nasional untuk membawa kedua-dua pihak ke meja rundingan.

BH: Tidakkah pergolakan dalaman MCA memberi kesan terhadap usahanya memberi perkhidmatan kepada rakyat berketurunan Cina sekali gus menjejaskan imej BN?

AHMAD SHAMSUDDIN: Inilah rasional yang perlu difikirkan semua pihak dalam komponen BN. Krisis berpanjangan akan menjejaskan usaha parti itu menjalankan kerja membela nasib rakyat. Kita bimbang kesempatan itu diambil pembangkang untuk meracuni pemikiran rakyat berketurunan Cina negara ini. Pembangkang akan melakukan apa saja untuk melemahkan sokongan rakyat kepada BN. Isu dalaman parti yang menimbulkan konflik berpanjangan akan mencetuskan masalah yang akhirnya menjadikan rakyat keliru. Sudah tiba masa semua pihak yang berbeza pendapat duduk semeja, berunding dan menyelesaikan masalah dalaman parti.

BH: Adakah arahan Dr Mahathir supaya semua pihak bertelagah dalam MCA berhenti membuat kenyataan berkisar isu dalaman parti itu mampu menyelesaikan masalah itu?

AHMAD SHAMSUDDIN: Saya fikir arahan Dr Mahathir itu adalah sebahagian daripada rancangan damai untuk menyelesaikan krisis yang sedang dihadapi

MCA. Masalah tidak akan selesai jika masing-masing mengeluarkan kenyataan bagi menyokong tindakan mereka. Yang paling baik ialah kedua-dua pemimpin yang mengetuai kumpulan bertentangan mengadakan pertemuan dan berbincang dari hati ke hati. Dalam hal ini mereka perlu mengutamakan kepentingan parti dan BN dan mengeneipkan emosi dan kepentingan peribadi. Dr Mahathir sudah mengemukakan rancangan damai untuk menyelesaikan masalah dihadapi MCA. Sekarang, terserah kepada ahli MCA untuk menjernihkan keadaan.

BH: Perbuatan sumbang mahram dilaporkan semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini. Apa pandangan saudara mengenai perkara ini?

AHMAD SHAMSUDDIN: Adalah sesuatu yang amat menyedihkan apabila perbuatan jijik dan keji ini berlaku di kalangan masyarakat kita. Saya kesal kerana masih ada manusia yang bertuhankan nafsu dan tergamak melakukan jenayah terhadap darah daging sendiri. Ada bapa melakukan perbuatan terkutuk itu bertahun-tahun lamanya sehingga anak perempuannya mengandung. Ada juga kes membabitkan datuk, abang, bapa saudara dan hubungan persaudaraan yang rapat. Golongan ini sebenarnya mengkhianati amanah dan kepercayaan yang diberikan kepada mereka.

BH: Perkara itu turut mendapat perhatian Perdana Menteri dan timbalannya yang mahukan hukuman lebih tegas dikenakan terhadap pesalah sumbang mahram?

AHMAD SHAMSUDDIN: Sewajarnya pesalah sumbang mahram dikenakan tindakan lebih tegas terhadap dosa yang mereka dilakukan. Ada yang mencadangkan hukuman penjara seumur hidup, sebatan maksimum, kasi malah hukuman bunuh. Bagi saya, walau apa pun hukumannya, yang penting masyarakat mengambil iktibar dan membebaskan diri daripada perbuatan seumpama itu. Dengan kata lain, hukuman tegas perlu diseimbangkan dengan langkah pencegahan melalui pendidikan dan kesedaran. Jika masalah ini berjaya diatasi pada peringkat asas, hukuman yang lebih tegas mampu menghapuskan terus jenayah ini masyarakat kita.

BH: Apakah faktor lain yang mendorong perlakuan ini?

AHMAD SHAMSUDDIN: Sudah tentu perbuatan jijik ini tidak akan berlaku jika seseorang individu itu mempunyai asas agama yang kukuh. Saya percaya, ada antara orang Melayu hari ini yang sudah lupa adab beragama dan adat tata susila yang diwarisi sejak zaman berzaman. Kehidupan zaman moden menyebabkan mereka hanyut dan melupakan soal halal dan haram. Selain itu, faktor sosioekonomi juga mempunyai hubungan rapat dengan perlakuan sumbang mahram. Di bandar besar, misalnya, ada keluarga dengan anggota yang ramai yang terpaksa tinggal dalam rumah kecil yang hanya mempunyai dua bilik. Akibatnya, anak lelaki dan perempuan dibiarkan bergaul bebas sehingga mengundang perkara tidak diingini. Bagaimanapun, sumbang mahram juga berlaku di kampung dan pekan kecil. Ini membuktikan gejala ini menular tanpa mengira lokasi dan kedudukan. Kesimpulannya, banyak faktor yang menyumbang kepada kejadian sumbang mahram dan menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menghuraikannya satu persatu.

BH: Adakah tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharamkan sembilan buku yang didapati mengandungi unsur lucah baru-baru ini wajar?

AHMAD SHAMSUDDIN: Tindakan KDN mengharamkan buku berunsur lucah adalah sangat tepat dan kena pada masanya. Ini juga satu langkah proaktif untuk membendung gejala tidak sihat seperti sumbang mahram, seks bebas dan kegiatan tidak bermoral lain di kalangan masyarakat. Kita tidak mahu usaha kerajaan untuk membina masyarakat yang progresif terbantut kerana sikap segelintir pihak yang menerbitkan bahan bacaan tidak bermutu. Rakyat negara ini khususnya remaja memerlukan bahan bacaan yang mampu merangsang budaya berfikir, mencambah minda dan menanamkan nilai motivasi.

Buku dan majalah bersifat khayalan seperti yang diharamkan KDN itu hanya boleh merosakkan fikiran dan tidak patut dibiarkan berada di pasaran. Pada masa sama, bahan seumpama itu juga dikesan sebagai punca kejatuhan moral

di kalangan masyarakat hari ini. Perlakuan sumbang mahram, rogol, liwat dan maksiat lain banyak didorong daripada bahan bacaan lucah dan mengkhayalkan.

(END)